

**PROGRAM 1 SRN 1 KOMUNITI 1 KASIH SAYANG LAHIRKAN MAHASISWA PRIHATIN DAN PENYAYANG TERHADAP GOLONGAN YANG MEMERLUKAN**

16.9.2015      Rabu                      : Program 1 Sekretariat Rukun Negara 1 Komuniti 1 Kasih Sayang atau lebih dikenali sebagai Program 1 SRN 1 Komuniti 1 Kasih Sayang dilaksanakan bagi melahirkan mahasiswa yang prihatin dan penyayang terhadap mereka yang memerlukan bantuan dan sokongan. Program anjuran bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), sukarelawan iM4U PSP, Sekretariat Rukun Negara (SRN), Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) dan Qaryah Masjid Jamek Kampung Pelet ini telah diadakan pada 16 September 2015 di Masjid Jamek Kampung Pelet, Penanti, Seberang Perai Tengah bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 2.00 petang.

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan apabila terdapat penglibatan seramai 250 orang peserta yang terdiri daripada 80 orang ahli Sekretariat Rukun Negara (SRN) dan 170 orang belia setempat. Aktiviti yang dijalankan sebagai pengisian bagi program ini termasuk Gotong-Royong Membina Kolah Tempat Mengambil Wudhuk, Gotong-Royong Membersih Kawasan Tanah Perkuburan dan Pemeriksaan Kesihatan.

Program telah dimulakan dengan pendaftaran peserta pada jam 8.00 pagi, diteruskan dengan ucapan perasmian oleh Pengarah PSP iaitu YBhg. Tuan Haji Zulkifli Bin Ariffin. Program berakhir pada jam 2.00 petang setelah makan tengah hari dan solat zohor secara berjemaah.

Sehubungan itu, program ini diharap dapat meningkatkan semangat kesukarelawan, patriotism dan memupuk perpaduan dalam kalangan ahli Sekretariat Rukun Negara (SRN) & Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) Politeknik Seberang Perai. Selain itu, diharap agar program ini dapat memberi kesedaran kepada ahli SRN dan PISPA mengenai kehidupan masyarakat pelbagai kaum, melahirkan sikap prihatin penyayang dan bersikap terbuka kepada masyarakat pelbagai kaum yang memerlukan abntuan dan sokongan.

## GALERI AKTIVITI



Barisan VIP yang hadir



Para peserta yang terlibat



Perasmian oleh Pengarah Politeknik Seberang Perai;  
Tuan Haji Zulkifli Bin Ariffin



Ucapan oleh Pegawai Perpaduan & Y.Bhg  
Integrasi Nasional Daerah Seberang  
Perai Tengah; Tuan Haji Ahmad Puat  
Bin Junus



Gotong-royong membersihkan kawasan perkuburan



Gotong-royong membersihkan kawasan masjid



Aktiviti mengecat garisan gelanggang



Aktiviti mengecat pagar